

**PERADUAN "VICO SAPU JER SEMUAAAAA !!!"  
TERMA DAN SYARAT**



**Maestro Swiss  
Industries Sdn. Bhd.**  
Company No. I99901022351 (497251-W)

**A: Jadual Syarat Penyertaan**

<b>Penganjur</b>	<b>Maestro Swiss Industries Sdn. Bhd. (497251-W)</b> 61-2 & 62-2 Block E, Zenith Corporate Park, Jalan SS 7/26, Kelana Jaya 47301 Petaling Jaya, Selangor
<b>Peraduan</b>	PERADUAN "VICO Sapu Jer Semuaaaa !!!"
<b>Tempoh Peraduan</b>	<p>Peraduan bermula pada jam 00:00:00 1 Ogos 2023 sehingga jam 23:59:59, 30 September 2023 ("Tempoh Peraduan"). Semua penyertaan yang diterima selepas Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.</p> <p>Tempoh Peraduan Mingguan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Minggu 1: Selasa, 1 Ogos 2023 jam 00:00:00 hingga Selasa, 8 Ogos 2023 jam 23:59:59</li> <li>• Minggu 2: Rabu, 9 Ogos 2023 jam 00:00:00 hingga Selasa, 15 Ogos 2023 jam 23:59:59</li> <li>• Minggu 3: Rabu, 16 Ogos 2023 jam 00:00:00 hingga Selasa, 22 Ogos 2023 jam 23:59:59</li> <li>• Minggu 4: Rabu, 23 Ogos 2023 jam 00:00:00 hingga Selasa, 29 Ogos 2023 jam 23:59:59</li> <li>• Minggu 5: Rabu, 30 Ogos 2023 jam 00:00:00 hingga Selasa, 5 September 2023 jam 23:59:59</li> <li>• Minggu 6: Rabu, 6 September 2023 jam 00:00:00 hingga Selasa, 12 September 2023 jam 23:59:59</li> <li>• Minggu 7: Rabu, 13 September 2023 jam 00:00:00 hingga Selasa, 19 September 2023 jam 23:59:59</li> <li>• Minggu 8: Rabu, 20 September 2023 jam 00:00:00 hingga Sabtu, 30 September 2023 jam 23:59:59</li> </ul>
<b>Kelayakan</b>	<p>Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan penduduk tetap di Malaysia yang berusia lapan belas (18) tahun dan ke atas dengan identiti pengenalan sah (MyKad atau MyPR) pada permulaan Tempoh Peraduan [setiap seorang "Peserta" dan secara kolektif, "Peserta"]. Penganjur berhak untuk meminta dokumen pengenalan sebagai bukti pengesahan identiti Peserta.</p> <p>Berikut adalah golongan yang tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:</p>

61-2 & 62-2, Block E,  
Zenith Corporate Park,  
Jalan SS 7/26, Kelana Jaya  
47301 Petaling Jaya,  
Selangor  
Tel : (603) 780 3022  
Fax : (603) 780 3104

	<p>(a) Pekerja-pekerja Penganjur dan syarikat-syarikat sekutunya dan ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik beradik, dan pasangan mereka);</p> <p>(b) Pekerja-pekerja bagi agen-agen atau kontraktor-kontraktor Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan dan keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka).</p>
<b>Syarat-Syarat Penyertaan</b>	<p>Untuk menyertai Peraduan ini, Peserta perlu mengikuti tiga (3) langkah mudah seperti berikut:</p> <p><b>Langkah 1 – BELI</b> Beli produk Vico dengan pembelian minimum RM15 dalam satu resit dalam Tempoh Peraduan.</p> <p><b>Langkah 2 – IMBAS QR / WHATSAPP</b> Imbas QR atau memulakan perbualan WhatsApp dengan nombor 019-220 9950.</p> <p><b>Langkah 3 – HANTAR</b> Tulis Nama Penuh, No. Kad Pengenalan atas resit pembelian. Hantar gambar resit tersebut melalui aplikasi WhatsApp ke 019-220 9950.</p> <p>Catatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Peserta mesti menyimpan resit pembelian asal untuk tujuan pengesahan pemenang dan penebusan hadiah.</li> <li>● Pembelian yang dibuat diluar Tempoh Peraduan tidak akan diterima.</li> <li>● Resit yang diterima: - <ul style="list-style-type: none"> <li>- Resit bercetak daripada kedai</li> <li>- Resit bertulis daripada kedai</li> <li>- E-resit (Invois) daripada pembelian atas talian dari Stor Rasmi Vico Shopee, Stor Rasmi Vico Lazada, Foodpanda, Grab Mart, Potboy, AEON Online, Lotuss Online sahaja</li> </ul> </li> </ul> <p><b>Stor Rasmi Vico Shopee:</b> <a href="https://shopee.com.my/vico_flagship_store">https://shopee.com.my/vico_flagship_store</a></p> <p><b>Stor Rasmi Vico Lazada:</b> <a href="https://www.lazada.com.my/shop/vico-store">https://www.lazada.com.my/shop/vico-store</a></p> <p>Sebarang produk yang dibeli dari penjual lain selain stor rasmi Vico Shopee atau Lazada tidak akan dianggap sebagai penyertaan yang sah.</p>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Setiap resit pembelian mesti menunjukkan dengan jelas: -           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Produk yang dibeli dan harga</li> <li>- Tarikh Pembelian</li> <li>- Nama Kedai Bercetak / Cop Kedai</li> <li>- Nombor resit / invois</li> <li>- Alamat penghantaran (untuk E-resit sahaja)</li> </ul> </li> </ul> <p>Setiap pembelian RM15 bersamaan dengan satu (1) Penyertaan. Misalnya, RM30 bersamaan dengan dua (2) penyertaan, RM45 bersamaan dengan tiga (3) penyertaan, dan seterusnya.</p> <p>Pembelian yang tidak mencukupi RM15 (Contohnya: RM14.99) tidak layak untuk menyertai Peraduan ini.</p> <p>Setiap Penyertaan yang sah akan diberikan satu (1) mesej pengesahan oleh pihak Penganjur.</p> <p>Satu (1) resit hanya layak untuk digunakan satu (1) kali sahaja. Penyertaan berulang menggunakan resit yang sama akan dibatalkan.</p>
<b>Tarikh Akhir Penyertaan</b>	Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59 30 September 2023. Sebarang Penyertaan selepas Tempoh Peraduan tidak akan diterima.
<b>Hadiah</b>	<p><b>Hadiah Utama:</b> Wang Tunai berjumlah RM100,000 untuk direbut oleh 20 Pemenang dalam acara di tapak "Sapu Jer Semuaaa !!!"</p> <p><b>Hadiah Mingguan:</b> Kredit Touch 'n Go eWallet bernilai RM125 x 50 Pemenang setiap minggu x 8 Minggu</p> <p>Sejumlah empat ratus (420) pemenang akan dipilih dalam peraduan ini.</p> <p>Setiap satu (1) peserta berpeluang untuk memenangi satu (1) Hadiah Mingguan dan satu (1) Hadiah Utama sahaja.</p> <p>Selain yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, sebarang penggantian atau pengubahsuaian kepada Hadiah tidak dibenarkan.</p> <p>Penganjur berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya tanpa sebarang makluman terlebih dahulu.</p>

<b>Kriteria and Proses of Pemilihan Pemenang</b>	<p><b>Syarat-syarat Penyertaan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Setiap penyertaan mesti dihantar melalui akaun WhatsApp sendiri.</li> <li>● Satu (1) akaun WhatsApp bersamaan dengan satu (1) Peserta.</li> <li>● Setiap penyertaan hendaklah dihantar melalui nombor WhatsApp rasmi Peraduan yang disediakan.</li> <li>● Semua Peserta dikehendaki memberikan butiran peribadi seperti di bawah:-           <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Nama Penuh mengikut IC</li> <li>b. Nombor MyKad/MyPR</li> </ol> </li> <li>● Maklumat penyertaan mestilah ditulis dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia atau gabungan Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, dan mesti difahami oleh Penganjur.</li> <li>● Semua penyertaan mesti dihantar selewat-lewatnya pada 30 September 2023 jam 23:59:59 ("Tarikh Tutup"). Pihak Penganjur berhak untuk menolak sebarang penyertaan yang tidak lengkap atau diterima selepas Tarikh Tutup. Para Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan sepanjang Tempoh Peraduan.</li> <li>● Setiap Peserta dengan satu (1) No. Kad Pengenalan hanya layak untuk memenangi satu (1) Hadiah Mingguan dan satu (1) Hadiah Utama sahaja dalam Peraduan ini.</li> </ul> <p><b>Kriteria Kemenangan</b></p> <p>Proses pemilihan Pemenang:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Semua penyertaan Peserta mestilah lengkap dan memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan pada bahagian Syarat-Syarat Penyertaan di atas. Sebarang penyertaan yang tidak lengkap akan terbatal secara automatik.</li> <li>● Pemenang yang layak akan ditentukan seperti berikut:</li> </ul> <p><b>a) Hadiah Utama: Wang Tunai berjumlah RM100,000 untuk direbut oleh 20 Pemenang dalam acara di tapak "Sapu Jer Semuaaaa !!!"</b></p> <p>- Pemenang akan ditentukan berdasarkan jumlah keseluruhan nombor bersiri yang diperuntukkan berdasarkan Penyertaan Layak yang diterima untuk sepanjang Tempoh Peraduan, dan nombor ini akan dibahagi kepada 20. Ilustrasi perhitungan adalah seperti berikut:</p>
--	---

$$5000 \div 20 = 250^*$$

Pemenang Hadiah Utama yang disenaraikan pendek ialah kemasukan nombor bersiri ke-250\* dan nombor siri berikutnya dengan penggandaan 250. Contoh penyertaan nombor bersiri yang akan dipilih sebagai pemenang: 250\*, 500\*, 750\*.

- Seramai 20 PEMENANG akan dipilih sepanjang Tempoh Peraduan.
- Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan, ke nombor digit tunggal yang terdekat akan dipilih sebagai pemenang.
- Jika Pemenang nombor bersiri yang menang adalah pemenang ulangan dalam pemilihan, maka nombor bersiri yang menang akan ditolak ke nombor bersiri seterusnya.

**Contohnya:** Pemenang A memiliki nombor bersiri 250 dan 500. Maka, dia akan dianggap sebagai Pemenang dengan nombor bersiri 250, dan Pemenang seterusnya adalah pemilik nombor bersiri 501.

**b) Hadiah Mingguan: Kredit Touch 'n Go eWallet bernilai RM125 x 50 Pemenang setiap minggu x 8 Minggu**

- Terdapat lima puluh (50) Kredit Touch 'n Go eWallet bernilai RM125 untuk dimenangi setiap Minggu Peraduan.
- Pemenang akan ditentukan berdasarkan jumlah penyertaan bersiri yang diterima dalam Tempoh Minggu Peraduan, contohnya: Jika terdapat 500 penyertaan layak yang diterima semasa Minggu Peraduan, angka ini akan dibahagikan dengan 50. Ilustrasi perhitungan adalah seperti berikut:

$$500 \div 50 = 10^*$$

Pemenang Hadiah Mingguan yang disenaraikan pendek ialah kemasukan nombor bersiri ke-10\* dan nombor siri berikutnya dengan penggandaan 10. Contoh penyertaan nombor bersiri yang akan dipilih sebagai pemenang: 10\*, 20\*, 30\*, 40\*, 50\*, 60\* dan seterusnya.

- Seramai 50 PEMENANG akan dipilih untuk setiap Minggu Peraduan.

- Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan, ke nombor digit tunggal yang terdekat akan dipilih sebagai pemenang.

- Jika Pemenang nombor bersiri yang menang adalah pemenang ulangan dalam pemilihan atau Pemenang Mingguan yang lalu, maka nombor bersiri yang menang akan ditolak ke nombor bersiri seterusnya.

**Contoh 1:** Peserta B memiliki nombor bersiri 10 dalam Minggu Peraduan Kedua, tetapi dia telah memenangi Hadiah Mingguan pada Minggu Peraduan Pertama. Maka, Pemenang yang memiliki nombor bersiri 11 akan dipilih.

**Contoh 2:** Pemenang C memiliki nombor bersiri 20 dan 30. Maka, dia akan dianggap sebagai Pemenang dengan nombor bersiri 20, dan Pemenang seterusnya adalah pemilik nombor bersiri 31.

- Pemenang yang disenarai pendek akan dihubungi oleh Penganjur melalui aplikasi WhatsApp dan dikehendaki menjawab satu soalan umum dengan betul sebelum dipilih sebagai pemenang.
- Sekiranya Penganjur tidak dapat menghubungi pemenang, Penganjur berhak untuk membatalkan pemenang dan memilih pemenang lain sebagai pengantian.
- Keputusan Penganjur adalah muktamad dan sebarang rayuan atau surat-menyerat tidak akan dilayan.
- Peserta tidak akan mempertikaikan sebarang keputusan Penganjur atau membuat sebarang aduan lisan atau bertulis, pengumuman awam atau sebarang kenyataan mengenai pertikaian sama ada semasa atau selepas Tempoh Peraduan.
- Penganjur berhak untuk meminta peserta menjalani proses pengesahan sepanjang tempoh pertandingan. Proses-proses ini mungkin diperlukan untuk mengesahkan ketepatan dan keaslian maklumat yang telah dihantar, termasuk tetapi tidak terhad kepada resit dan dokumen lain. Kegagalan untuk mematuhi proses pengesahan ini boleh menyebabkan penyertaan daripada pertandingan dibatalkan.

	<p><b><u>Komunikasi Kepada Pemenang</u></b></p> <p>Penganjur akan menghubungi semua pemenang melalui aplikasi WhatsApp untuk mendapatkan butiran yang diperlukan setelah Pengumuman Pemenang dibuat.</p> <p>Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak memberikan maklum balas atas apa jua sebab (“<b>Pemenang Tersingkir</b>”) dalam tempoh dua (2) hari setelah menghubungi, dan kelayakan pemenang akan dibatalkan secara automatik.</p> <p><b><u>Pengumuman Pemenang</u></b></p> <p>Pengumuman pemenang Hadiah Mingguan dan Hadiah Utama akan diumumkan melalui WhatsApp dan laman sesawang Penganjur di:</p> <p><a href="https://www.facebook.com/VicoOfficialPage/">https://www.facebook.com/VicoOfficialPage/</a></p> <p>Pemenang Hadiah Mingguan akan diumumkan dalam tempoh sepuluh (10) hari berkerja selepas Tempoh Peraduan mingguan.</p> <p>Pemenang Hadiah Utama akan diumumkan dalam tempoh dua puluh (20) hari berkerja selepas Tempoh Peraduan tamat.</p>
<b>Tarikh Tuntutan / Serahan Hadiah</b>	<p><b>Hadiah Mingguan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Pemenang akan menerima hadiah dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas pengesahan butiran peribadi pemenang melalui WhatsApp. Hadiah yang tidak dituntut selepas tiga puluh (30) hari akan dibatalkan. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku sebarang kelewatan dalam penghantaran disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangka atau sebarang situasi di luar kawalan Penganjur, Penganjur berhak untuk mengatur penghantaran Hadiah kepada Pemenang Peraduan dalam apa-apa cara yang dipikirkan sesuai.</li> <li>● Pemenang Hadiah Mingguan hendaklah menghantar nombor telefon bimbit yang telah didaftar dalam aplikasi Touch 'n Go eWallet. Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan hadiah pemenang jika Kredit Touch 'n Go eWallet tidak dapat dikredit</li> </ul>



Maestro Swiss  
Industries Sdn. Bhd.  
Company No. I99901022351 (497251-V)

disebabkan isu pemenang (Seperti: Nombor telefon bimbit yang diberi tidak didaftar dalam aplikasi Touch 'n Go eWallet, dan lain-lain).

- Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemenang Hadiah Mingguan tidak menerima Kredit Touch 'n Go disebabkan kecuaian Pemenang, termasuk tetapi tidak terhad kepada: Pemenang telah menghantar nombor telefon bimbit yang tidak betul, Nombor telefon bimbit yang diberi tidak didaftar dalam aplikasi Touch 'n Go eWallet, dan lain-lain.

**Hadiah Utama:**

- Pemenang yang dipilih dikehendaki untuk menghadiri acara di tapak "Sapu Jer Semuaaaa !!!" yang terletak di Kuala Lumpur/Selangor untuk merebut Wang Tunai berjumlah RM100,000. Kelayakan Pemenang akan dibatalkan secara automatik sekiranya Pemenang tidak menghadiri atau lewat untuk menghadiri di acara tersebut.
- Sekiranya Pemenang tidak ingin untuk menyertai acara di tapak "Sapu Jer Semuaaaa !!!", Pemenang boleh menghantar wakil untuk menyertai acara tersebut. Walau bagaimanapun, selepas butiran wakil dihantar, tiada perubahan boleh dibuat.
- Wakil yang dipilih oleh Pemenang akan dikenakan kelulusan oleh pihak penganjur. Para pemenang dikehendaki menyenaraikan alasan bagi ketidakhadiran mereka pada acara hadiah utama di Kuala Lumpur / Selangor.
- Pemenang perlu menandatangani surat wakil sebagai bukti untuk menunjukkan bahawa Pemenang tidak akan hadir ke acara hadiah utama, dan wakil akan menghadiri acara tersebut bagi pihak Pemenang.
- Penganjur akan mengesahkan nama dan I/C Pemenang dengan butiran penyertaan. Pihak Penganjur berhak membatalkan kelayakan Pemenang untuk menyertai acara di tapak "Sapu Jer Semuaaaa !!!" sekiranya butiran

61-2 & 62-2, Block E,  
Zenith Corporate Park,  
Jalan SS 7/26, Kelana Jaya  
47301 Petaling Jaya,  
Selangor  
Tel : (603) 780 3022  
Fax : (603) 780 3104

	<p>pemenang tidak sepadan dengan butiran penyertaan atau butiran wakil.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Pengajur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah bernilai setara sekiranya hadiah asal yang ditawarkan, atas apa jua sebab sekalipun, tidak lagi tersedia.</li> </ul>
--	---

Jadual Syarat Penyertaan ini harus dibaca bersama dengan Syarat-Syarat Penyertaan, notis privasi kami yang disertakan dalam dokumen ini dan dasar Privasi yang boleh didapati di laman sesawang Pengajur (secara keseluruhannya “**Terma dan Syarat**”) dan akan terpakai kepada semua peserta yang menyertai Peraduan ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta-peserta”, “Peserta”, “anda”). Dengan menyertai Peraduan ini, anda dianggap telah membaca dan bersetuju dengan Terma dan Syarat dan pemprosesan Maklumat Peribadi seperti yang dinyatakan di dalam notis privasi kami dan di laman sesawang Pengajur.

## B: Syarat-syarat Penyertaan

### 1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan, secara kolektif akan dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”, dan terpakai kepada semua peserta (termasuklah ibubapa/penjaga bagi peserta bawah umur). Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah digunakan. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat ketidakpastian, dan perbezaan, Pengajur berhak untuk memberi keputusan, menjelaskan, menegaskan dan/atau menentukan takrifan yang paling tepat terhadap ketidakpastian dan perbezaan tersebut.
- 1.2 Pengajur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Pengajur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat

atau rayuan berkaitan dengan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

## **2. Penyertaan Peraduan**

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, khidmat pesanan ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahauan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau akibat masalah akaun teknikal Peserta atau kesesakan trafik Internet.

## **3. Kelayakan**

- 3.1 Seperti mana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan penduduk tetap di Malaysia yang berusia lapan belas (18) tahun dan ke atas dengan identiti pengenalan sah (MyKad atau MyPR) pada permulaan Tempoh Peraduan [setiap seorang "Peserta" dan secara kolektif, "Peserta"]. Penganjur berhak untuk meminta dokumen pengenalan sebagai bukti pengesahan identiti Peserta.

## **4. Ketidaklayakan**

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat sekutunya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami-isteri, anak, ibubapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan/atau
- (b) Kakitangan agen-agen dan kontraktor-kontraktor Penganjur yang berkaitan dengan peraduan ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami-isteri, anak, ibubapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

## **5. Perlucutan Kelayakan**

61-2 & 62-2, Block E,  
Zenith Corporate Park,  
Jalan SS 7/26, Kelana Jaya  
47301 Petaling Jaya,  
Selangor  
Tel : (603) 780 3022  
Fax : (603) 780 3104

- 5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:
- (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
  - (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuatkuasa.
- 5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:
- (a) menjelaskan, telah atau cuba menjelaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
  - (c) Tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.
- 5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.
- 6. Hadiah**
- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan tuntutan hadiah dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.
- 6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserah hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil merujuk kepada dan mungkin tertakluk kepada Terma dan Syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.
- 6.5 Hadiah diberikan berdasarkan kepada "keadaan seperti sedia ada". Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahu pun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Pemenang akan menerima hadiah dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas hari pemberitahuan. Hadiah yang tidak dituntut selepas tiga puluh (30) hari akan dibatalkan.

## 7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai "Material"), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barang Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

## 8. Hak Milik Harta Intelek

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubahsuai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

## 9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Kumpulan Maestro Swiss Industries Sdn. Bhd."), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

## 10. Had Liabiliti

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 10.2 Penganjur, Kumpulan Maestro Swiss Industries Sdn. Bhd., para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak akan bertanggung jawab ke atas mana-mana peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

## 11. Am

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh bertanggungjawab untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekali pun dalam keadaan sedemikian.
- 11.2 Sebarang nama, tandatangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan peraduan) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat Kumpulan Maestro Swiss Industries Sdn. Bhd.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketidaksahanan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjelaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.
- 11.5 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

## 12. Notis Privasi

- 12.1 Dengan menyertai mana-mana Peraduan kami, anda telah bersetuju untuk Maestro Swiss Industries Sdn. Bhd. dan mana-mana syarikat Kumpulan Maestro Swiss Industries Sdn. Bhd. dan pembekal-pembekal perkhidmatan, ejen-ejen dan kontraktor-kontraktor yang memberikan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami (“**Pihak Ketiga Lantikan**”) (secara kolektif “**Penganjur**” atau “**kami**”) memproses maklumat peribadi anda yang dikemukakan dalam borang penyertaan/ atas talian bagi tujuan mana-mana peraduan kami. Ini termasuk mendedahkan nama anda kepada masyarakat umum apabila anda menjadi pemenang dalam sesuatu pertandingan atau menyertai acara kami dengan menerbitkan nama, gambar-gambar dan lain-lain maklumat peribadi anda tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.

- 12.2 Penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi anda bagi tujuan menghubungi dan menghantar maklumat atau bahan-bahan pemasaran dan promosi mengenai produk kami, perkhidmatan, sampel, apa-apa promosi, acara atau pertandingan yang dianjurkan oleh Penganjur. Sila nyatakan pilihan anda dalam Penyerahan sekiranya anda bersetuju kepada penggunaan maklumat peribadi anda bagi tujuan Klausus 12.2 ini.
- 12.3 Sekiranya anda bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang anda berhasrat untuk merujuk kepada Penganjur, anda mengakui bahawa anda telah mendapatkan persetujuan daripada individu tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami.
- 12.4 Pada masa tertentu Penganjur mungkin melantik Pihak Ketiga Lantikan untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Pihak Ketiga Lantikan adalah terikat secara kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyimpan maklumat dengan selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi anda dalam apa jua cara selain daripada yang dinyatakan dalam mana-mana polisi atau notis privasi yang terpakai.
- 12.5 Penganjur adalah sebuah syarikat global dan maklumat peribadi anda mungkin akan dikongsi merentasi sempadan. Penganjur akan memastikan bahawa data anda hanya akan dikongsi ke negara yang mempunyai tahap undang-undang perlindungan data yang sama atau setara, seperti yang dinyatakan dalam mana-mana polisi atau notis privasi yang terpakai.
- 12.6 Setakat mana undang-undang terpakai membenarkan, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemas kini atau membetulkan, data peribadi anda yang disimpan oleh kami.

Semua permintaan atau pertanyaan bertulis anda hendaklah dialamatkan kepada:

Maestro Swiss Industries Sdn. Bhd. (497251-W)  
61-2 & 62-2 Block E, Zenith Corporate Park, Jalan SS 7/26, Kelana Jaya  
47301 Petaling Jaya, Selangor

Untuk Perhatian: Eksekutif Pemasaran

Selain itu, anda boleh menelefon kami melalui talian: 03-7803 3022

- 12.7 Sila ambil perhatian bahawa Penganjur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses penyertaan anda dalam tujuan Peraduan kami dan tanpa maklumat yang diperlukan, kami tidak akan dapat memproses permohonan anda.

61-2 & 62-2, Block E,  
Zenith Corporate Park,  
Jalan SS 7/26, Kelana Jaya  
47301 Petaling Jaya,  
Selangor  
Tel : (603) 780 3022  
Fax : (603) 780 3104

- 12.8 Kami mungkin memerlukan anda mengemukakan maklumat peribadi sensitif anda (seperti data yang berkaitan dengan kesihatan fizikal atau mental anda sekiranya anda menyertai mana-mana peraduan kami. Kami hanya akan menggunakan maklumat peribadi sensitif anda bagi tujuan peraduan dan promosi kami yang tertentu dan untuk menasihati anda mengenai produk yang sesuai untuk memenuhi tahap kesihatan semasa dan gaya hidup anda.

Anda mempunyai pilihan, pada bila-bila masa, untuk tidak memberikan maklumat peribadi sensitif anda atau membatalkan kebenaran anda kepada kami untuk memproses maklumat peribadi sensitif anda. Bagaimanapun, kegagalan untuk mengemukakan maklumat peribadi sensitif ini atau pembatalan kebenaran anda untuk memproses maklumat peribadi sensitif anda yang dikemukakan, akan mungkin mengakibatkan kami tidak dapat memproses penyertaan anda untuk tujuan peraduan ini.



Maestro Swiss  
Industries Sdn. Bhd.  
Company No. I99901022351 (497251-V)

## TERMA DAN SYARAT ACARA “SAPU JER SEMUAAAA !!!” (PEMENANG HADIAH UTAMA)

### SYARAT-SYARAT ACARA “SAPU JER SEMUAAAA !!!”

- Permainan “Sapu Jer Semuaaaa !!!” akan dijalankan, dan 20 Pemenang akan berpeluang untuk merebut Wang Tunai yang berjumlah RM100,000 dalam ruang acara tertentu.
- Penganjur berhak untuk mengantikan hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya tanpa sebarang makluman terlebih dahulu.
- Sebelum acara “Sapu Jer Semuaaaa !!!” bermula, pihak penganjur akan mengatur tempat berdiri setiap peserta dalam ruang acara tertentu.
- Dalam permainan ini, setiap peserta akan diberikan satu (1) beg untuk mengumpulkan sebanyak mungkin bebola plastik dalam tempoh yang ditetapkan. Setiap bebola plastik mewakili nilai wang tunai yang telah ditetapkan terlebih dahulu oleh penganjur sebelum acara bermula.
- Setelah acara permainan “Sapu Jer Semuaaaa !!!” terakhir, bebola plastik yang tidak diletakkan dalam beg (seperti di tangan, poket, baju, seluar dan sebagainya) tidak akan dikira.
- Setiap peserta hanya diberikan satu (1) peluang untuk bermain di acara tersebut.
- Butiran permainan akan diumumkan oleh pihak penganjur semasa hari acara. Setiap peserta akan diberikan masa tiga (3) minit untuk memungut sebanyak mungkin bebola plastik tersebut.
- Peserta dikehendaki memakai seluar panjang dan kasut sukan semasa acara untuk tujuan keselamatan. Peserta juga dikehendaki menanggalkan semua aksesori di tangan untuk mengelakkan sebarang kecederaan berlaku semasa permainan. Semasa acara berlangsung, pihak penganjur akan menyediakan peralatan keselamatan seperti topi keledar dan aksesori lain yang diperlukan.
- Para peserta tidak dibenarkan dan dilarang untuk merampaskan bebola plastik milik peserta lain.
- Penganjur acara tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan atau kerosakan yang berlaku semasa acara.
- Setiap bebola plastik mewakili nilai wang tunai yang telah ditetapkan terlebih dahulu oleh penganjur sebelum acara bermula. Penganjur akan mengirakan

jumlah nilai yang dimenangi, mencatat maklumat akaun bank pemenang, dan wang tunai tersebut akan dihantar melalui perbankan dalam talian kepada pemenang dalam tempoh 60 hari.

### KRITERIA PEMENANG

- Setiap pemenang Hadiah Utama wajib menyertai "Sapu Jer Semuaaaa !!!" di ruang acara yang terletak di Kuala Lumpur / Selangor yang ditentukan oleh Penganjur.
- Setiap peserta akan diberikan tiga (3) minit untuk merebut Wang Tunai yang berjumlah RM100,000 dalam ruang acara tertentu.
- Kelayakan pemenang akan dibatalkan secara automatik sekiranya pemenang (ataupun wakil yang telah ditetapkan sebelum acara) tidak menghadiri atau lewat untuk menghadiri di acara tersebut.
- Pemenang atau wakil perlu tetap di Malaysia dan berumur lapan belas (18) tahun ke atas dengan identiti pengenalan sah (MyKad atau MyPR) pada permulaan Tempoh Peraduan. Penganjur berhak untuk meminta dokumen pengenalan sebagai bukti pengesahan identiti Peserta.
- Penganjur akan mengesahkan nama dan I/C Pemenang dengan butiran penyertaan. Pihak Penganjur berhak membatalkan kelayakan Pemenang untuk menyertai acara di tapak "Sapu Jer Semuaaaa !!!" sekiranya butiran pemenang tidak sepadan dengan butiran penyertaan.
- Peserta tidak akan mempertikaikan sebarang keputusan Penganjur atau membuat sebarang aduan lisan atau bertulis, pengumuman awam atau sebarang kenyataan mengenai pertikaian sama ada semasa atau selepas Tempoh Peraduan.
- Penganjur mempunyai hak untuk menentukan tempat, tarikh, dan masa acara "Sapu Jer Semuaaaa !!!".

### PENGATURAN PENGANGKUTAN / PENGINAPAN

- Sekiranya ada pemenang yang tinggal di Semenanjung Malaysia/Malaysia Barat tetapi di luar Kuala Lumpur dan Selangor, penganjur akan menyediakan elauan pengangkutan supaya pemenang dapat menyertai acara "Sapu Jer Semuaaaa !!!". Pemenang akan dihubungi oleh agensi Penganjur untuk mengaturkan perjalanan tersebut.

- Sekiranya ada pemenang yang tinggal di Malaysia Timur, penganjur akan menyediakan pengangkutan, tiket penerbangan dan penginapan supaya pemenang dapat menyertai acara "Sapu Jer Semuaaaa !!!". Pemenang akan dihubungi oleh agensi Penganjur untuk mengaturkan perjalanan tersebut.
- Pemenang-pemenang dikehendaki untuk berkumpul di hotel yang ditetapkan oleh pihak Penganjur. Agensi Penganjur akan menghubungi pemenang-pemenang untuk pemberitahuan lanjut.
- Setiap pemenang yang menyertai acara "Sapu Jer Semuaaaa !!!" akan disediakan pengangkutan dari hotel yang ditetapkan oleh pihak Penganjur ke tempat acara hadiah utama "Sapu Jer Semuaaaa !!!" yang diadakan di Kuala Lumpur / Selangor.
- Sekiranya Pemenang tidak bersudi untuk menyertai acara "Sapu Jer Semuaaaa !!!", kelayakan pemenang akan dibatalkan.

#### **LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN**

- Peserta perlu mematuhi arahan keselamatan yang diberikan oleh penganjur acara.
- Setiap peserta digalakkan memakai penutup muka, peralatan perlindungan keselamatan dan mengikut SOP yang disediakan untuk keselamatan diri-sendirian.
- Peserta hendaklah memikul liabiliti dan tanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku sebarang kemalangan, kecederaan, kerosakan atau tuntutan akibat daripada penyertaan dalam acara ini. Penganjur acara tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan atau kerosakan yang berlaku semasa acara.
- Para peserta diwajibkan untuk menjaga semua milik mereka dengan teliti dan berhati-hati sebelum memasuki acara "Sapu jer Semuaaaa !!!". Pihak penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kehilangan, atau kejadian yang berlaku terhadap barang-barang milik peserta, termasuk tetapi tidak terhad kepada pakaian, aksesori, peralatan, atau benda lain yang dibawa oleh peserta semasa menghadiri acara tersebut. Peserta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan dan keamanan barang-barang mereka, dan pihak penganjur tidak akan memikul sebarang tanggungjawab dalam hal ini.
- Jika peserta tidak mematuhi peraturan dan langkah-langkah keselamatan yang disediakan oleh penganjur, pihak penganjur tidak akan menanggung sebarang risiko atau tanggungjawab peserta-peserta. Pihak penganjur



Maestro Swiss  
Industries Sdn. Bhd.  
Company No. I99901022351 (497251-VV)

berhak meminta pampasan sekiranya sebarang alatan acara rosak atas sebab di atas.

- Pengajur tidak akan bertanggungjawab sekiranya seseorang yang mempunyai masalah kesihatan (contohnya serangan jantung atau asma) bermain di acara ini dan menyebabkan masalah kesihatan (contohnya serangan jantung atau asma) atau sebarang kesan sampingan.

#### PENYAMPAIAN HADIAH

- Hadiah yang dimenangi oleh pemenang di acara "Sapu Jer Semuaaaa !!!" tidak akan diberikan secara terus pada hari yang sama atas sebab-sebab keselamatan. Pemenang-pemenang hanya akan menerima hadiah dalam tempoh 60 hari selepas acara tersebut melalui perbankan dalam talian.
- Pengajur akan meminta maklumat akaun bank pemenang untuk tujuan perbankan dalam talian hadiah wang tunai yang dimenangi oleh pemenang.
- Pengajur berhak untuk menggunakan maklumat peribadi pemenang yang diberikan semasa pendaftaran untuk tujuan penyampaian hadiah dan pengurusan peraduan ini.
- Pemenang bersetuju untuk membenarkan pengajur acara menggunakan nama, gambar, dan bahan berkaitan pemenang untuk tujuan promosi tanpa pampasan tambahan di laman rasmi VICO.
- Pemenang dikehendaki untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan maklumat akaun bank yang diberikan adalah tepat dan terkini. Pengajur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan atau masalah yang timbul akibat maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap.
- Pemenang tidak dibenarkan memindahkan hak penyertaan atau hadiah kepada pihak lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pengajur.

#### KEBENARAN DAN PUBLISITI

- Pemenang bersetuju untuk membenarkan pengajur acara menggunakan nama, gambar, dan bahan berkaitan pemenang untuk tujuan promosi tanpa pampasan tambahan.

## PERUBAHAN DAN PEMBATALAN

- Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah teknikal, kegagalan rangkaian, atau gangguan lain yang mungkin mempengaruhi penyertaan atau perjalanan acara ini.
- Penganjur acara berhak untuk membuat perubahan kepada jadual acara, hadiah, atau terma dan syarat jika diperlukan tanpa notis terlebih dahulu.
- Jika acara dibatalkan, penganjur acara tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kos atau kerosakan yang dialami oleh peserta.

## UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL

- Terma dan syarat ini akan tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan mana-mana pertikaian yang timbul akan dirujuk kepada mahkamah Malaysia yang berwibawa untuk menyelesaikan pertikaian tersebut.
- Dengan menyertai acara "Sapu Jer Semuaaaa !!!", semua pemenang bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat ini. Penganjur acara berhak untuk mengecualikan peserta yang melanggar terma dan syarat atau berkelakuan yang membahayakan keselamatan diri sendiri atau orang lain.